

**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KETIGA BELAS
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : YB. Dato' Shamsul Anuar bin
Haji Nasarah [LENGGONG]**

TARIKH : 11.03.2014 (SELASA)

NO. SOALAN : 70

Minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN
WILAYAH** menyatakan:

- (a) apakah Kerajaan mempunyai cadangan meletakkan Majlis Amanah Rakyat (MARA) di bawah Jabatan Perdana Menteri; dan
- (b) usaha yang telah, dan sedang dilakukan dalam usaha membasmi kemiskinan rakyat.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Jawapan (a)

Buat masa ini, Kerajaan tidak mempunyai perancangan untuk meletakkan Majlis Amanah Rakyat (MARA) di bawah Jabatan Perdana Menteri.

Jawapan (b)

Kerajaan telah melaksanakan pelbagai usaha bagi membasmi kemiskinan rakyat antaranya pelaksanaan NKRA Mempertingkatkan Taraf Hidup Isi Rumah Berpendapatan Rendah yang diterajui Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat dan NKRA Mempertingkatkan Infrastruktur Asas Luar Bandar (NKRA RBI) yang diterajui Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah.

Kementerian ini telah dan sedang melaksanakan program-program pembasmian kemiskinan tegar luar bandar di bawah Skim Pembangunan Kesejahteraan Rakyat (SPKR), Program Lonjakan Mega Luar Bandar

yang berkonsepkan Agropolitan serta lain-lain program pembasmian kemiskinan di bawah Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA), Lembaga Kemajuan Tanah (LKT) dan Lembaga Kemajuan Wilayah (LKW).

Bagi tahun 2014, Kementerian diberi peruntukan sebanyak RM334.44 juta untuk melaksanakan program pembasmian kemiskinan luar bandar. Di bawah SPKR, Kementerian telah diperuntukkan sejumlah RM249 juta bagi melaksanakan lima program utama iaitu Program Bantuan Rumah, Program Peningkatan Pendapatan (PPP), Program Latihan dan Kemajuan Kerjaya (PLKK), Program Pembangunan Minda Insan (PPMI) dan Program Kecemerlangan Pendidikan (PKP). Manakala di bawah Program Lonjakan Mega Luar Bandar, Kementerian akan meneruskan pelaksanaan 9 projek Agropolitan dengan peruntukan sebanyak RM36.13 juta. Baki peruntukan yang lain disalurkan kepada RISDA, FELCRA, JAKOA, KEDA, KESEDAR, KEJORA dan Lembaga Industri Getah Sabah (LIGS) bagi melaksanakan program pembasmian kemiskinan di kawasan operasi masing-masing.

Tuan Yang Di-Pertua,

Kerajaan sentiasa komited dalam usaha membasmi kemiskinan rakyat terutamanya golongan miskin, miskin tegar di luar bandar. Secara dasarnya, usaha yang telah dan akan diambil bagi membasmi kemiskinan adalah seperti berikut:

- i. Memperkuuh dan memantapkan lagi usaha pelaksanaan program sedia ada di bawah Skim Pembangunan Kesejahteraan Rakyat (SPKR) dengan memberikan tumpuan yang lebih besar kepada:
 - a) Meningkatkan pendapatan bulanan kumpulan sasar Program Peningkatan Pendapatan (PPP).
 - b) Memperkuuh modal insan kumpulan sasar melalui pelaksanaan kursus dan latihan di bawah Program Latihan Kemahiran dan Kerjaya (PLKK).
 - c) Menyediakan tempat kediaman yang lebih selamat dan selesa di bawah Program Bantuan Rumah (PBR).

- ii. Kerajaan akan terus meneruskan strategi pembangunan tanah yang bersepadu bagi melonjakkan ekonomi di kawasan yang mempunyai insiden kemiskinan yang tinggi di luar bandar melalui Projek Lonjakan Mega yang berkonsepkan Agropolitan dan Projek ladang sejahtera. Antara contoh projek-projek berkenaan adalah seperti Projek Agropolitan Pulau Banggi dan Pulau Gana di Sabah; Projek Agropolitan Batang Sadong, Agropolitan Batang Lumar, Agropolitan Pulau Bruit dan Agropolitan Ulu Awik, Gunung Sadok di Sarawak serta Projek Ladang Sejahtera di Semenanjung Bengkoka, Sabah.
- iii. Meneruskan strategi dalam meningkatkan penyediaan akses pendidikan, kesihatan dan kemudahan asas seperti pembinaan jalan luar bandar, bekalan air serta elektrik yang lebih baik bagi menangani fenomena kemiskinan di kalangan minoriti bumiputera di Sabah dan Sarawak.

- iv. Memperkuuh dan meningkatkan lagi keberkesanan sistem penyampaian program-program pembasmian kemiskinan melalui penubuhan “Focus Group” pembasmian Kemiskinan di peringkat nasional, negeri dan daerah yang akan berperanan dalam menyelia perancangan, pelaksanaan dan pemantauan serta penyaluran peruntukan bagi program/projek pembasmian kemiskinan.
- v. Kerajaan juga telah membangunkan pangkalan data kemiskinan nasional yang dikenali sebagai eKasih dan akan menjadi pusat rujukan utama dalam menyediakan profil komprehensif golongan miskin dan miskin tegar yang akan diberi bantuan.